



Siaran **AKHBAR**

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTAHANAN

KP/UKK/SPM/010/004 – (01/05)

Unit Komunikasi Korporat, Kementerian Pertahanan mengeluarkan kenyataan akhbar seperti berikut:

PELANCARAN LOGO DAN TEMA RASMI HARI ULANG TAHUN TUDM KE-56

Kuala Lumpur- Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) hari ini telah melancarkan Logo dan Tema Rasmi Hari Ulang Tahun Tentera Udara Diraja Malaysia (HUT TUDM) Ke – 56. Pemangku Panglima Tentera Udara, Yang Berbahagia Leftenan Jeneral Dato' Sri Hj Roslan bin Saad TUDM telah menyempurnakan pelancaran logo HUT TUDM ke 56 dengan tema "Kuasa Udara, Kuasa Negara (Air Power, National Power).

Pelancaran Logo dan Tema Rasmi HUT TUDM ke 56 ini telah dipancarkan melalui Sidang Video pada jam 2.30 petang yang melibatkan 12 buah Pangkalan dan Markas. Majlis pelancaran dari Markas Tentera Udara turut disaksikan oleh Panglima Operasi Udara, Yang Berbahagia Dato' Sri Ackbal bin Hj Abdul Samad TUDM serta Pegawai-Pegawai Kanan TUDM.

Sebaik pelancaran logo, perincian maksud Logo dan Tema telah disampaikan oleh Kolonel Dr Ismail bin Manuri TUDM, Pengarah Pengurusan Strategi, Bahagian Pengurusan Strategik, Markas Tentera Udara.

Pemangku Panglima Tentera Udara di dalam ucapannya telah menekankan bahawa tema tersebut bukan sekadar ungkapan dan frasa semata-mata tetapi menjadikannya sebagai azam atau cabaran yang mesti disahut dan dilaksanakan dengan penuh penghayatan di hati dan minda. Seterusnya perlu disusuli dengan usaha perlaksanaannya yang mana setiap warga TUDM (aspek manusia) adalah bertanggungjawab merealisasikannya dengan komitmen yang tinggi dan sebagai amanah di dalam mempertahankan kedaulatan Negara. Tambahan beliau lagi, kuasa udara adalah unik dan mempunyai kekuatan dan kriteria tersendiri yang dianggap sebagai *decisive power* semasa konflik dan penyumbang utama kepada operasi-operasi semasa aman.

Tema ini bersesuaian dengan Pelan Transformasi TUDM iaitu Air Force Next Generation (AF-NG) iaitu ke arah menjadikan TUDM sebagai sebuah angkatan udara berspektrum penuh menjelang tahun 2020. TUDM akan menyambut Hari Ulang Tahun ke 56 pada tanggal 1 Jun 2014. (Sumber: Perhubungan Awam TUDM)

"TRANSFORMASI MELALUI INOVASI"

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA
KUALA LUMPUR
8 Mei 2014 (Dikeluarkan jam 6.50 petang)